

Newspaper	HARAKAH
Date	12 JAN 2015

1MDB, banjir dan Najib...

DENGAN nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad s.a.w. dan seluruh kaum keluarganya.

Alhamdulillah, kita masih terus diberi kesempatan untuk menikmati sebuah kehidupan yang walaupun sesak dan sarat dengan tekanan, namun apabila berada di landasan memperjuangkan agama Allah, pastinya kita akan berada dalam ketenangan.

Gawat kepimpinan... itulah istilah yang boleh disamakan dengan kelemahan Dato' Seri Najib Razak menerajui pemerintahan negara.

Sejak dahulu terlihat kelemahan beliau, bermula dengan skandal pembelian Scorpene dan isu model Mongolia, Altantuya Shaariibuu, kepimpinan Najib dikaitkan pula dengan isu menggunakan khidmat Apco Worldwide sebuah agensi perunding imej Israel dengan tawaran kontrak RM70 juta.

Kepimpinan Najib tidak sunyi dari belunggu isu. Sebaik mengambil pemerintah Tun Abdullah Ahmad Badawi, Najib mene-

rima serangan bertalu oleh dalam dan luar Umno.

Permulaan beliau menerajui negara pembangkang mengaitkan kerajaan beliau berhubung idea gagasan 1 Malaysia dengan idealisme Israel kerana bagi pembangkang terdapat kaitan jelas dua idea itu tatkala Apco Worldwide menjadi penasihat imej.

Namun Najib menolak dakwaan itu dan menangkis serangan dengan turun ke padang menjelaskan kononnya ia adalah idea dan gagasan beliau.

Dalam pada itu serangan dalam isu skandal pembelian kapal selam Scorpene semasa beliau menjadi menteri pertahanan dan timbalan perdana menteri turut mengheret beliau untuk bertahan.

Tidak cukup dengan itu isu pembelian Scorpene ditambah pula dengan kaitan skandal pembunuhan Model Mongolia Altantuya Shaariibuu yang turut dikaitkan dengan negosiater Abdul Razak Baginda dan dua tertuduh dalam kes itu iaitu pengiring Najib, Azilah Hadri dan Sirul Azhar. Kedua dua

mereka adalah Unit Tindakan Khas (UTK) yang biasa mengiringi Najib.

Walaupun kemudiannya ketiga tiga tertuduh dibebaskan kononnya tiada kaitan dengan pembunuhan kes itu seolah-olah menjadi misteri tiada yang meletupkan Altantuya dengan menggunakan C4.

Begitu pelik kes pembunuhan yang pembunuhnya tidak wujud hingga kini. Kesemua tertuduh bebas.

Terkini, selepas sikap 'lalai' Najib untuk cakna rakyat dalam isu banjir selepas berseronok bermain golf dengan Presiden Amerika Syarikat, Najib dihadapkan lagi dengan pendedahan berhubung masalah aliran kewangan syarikat yang dipengeruskannya iaitu 1MDB.

Dalam satu pendedahan, Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli menyebut bahawa terdapat laporan 1MDB telah gagal sekali lagi untuk membayar hutang berjumlah RM2 bilion mengikut jadual pembayaran mengesahkan bahawa syarikat bermasalah itu berhadapan dengan masalah aliran tunai.

Keadaan ini menyulitkan lagi kedudukan kewangan 1MDB yang

memberi kesan kepada keupayaannya melaksanakan kontrak-kontrak yang telah dianugerahkan kepadanya.

Salah satu kontrak tersebut ialah pembinaan stesen janakuasa Jimah Timur dengan kapasiti 2,000MW (dua stesen setiap satu 1000MW) yang telah mengundang kontroversi sebelum ini.

Perjanjian jual beli tenaga (PPA) di antara TNB dan 1MDB melalui stesen janakuasa Jimah Timur ini adalah salah satu strategi terpenting yang bakal menentukan sama ada kedudukan kewangan 1MDB terus menjunam.

Stesen janakuasa Jimah Timur ini dilihat sebagai aset berharga di antara stesen-stesen janakuasa tenaga sedia ada yang dibeli 1MDB sebelum ini yang diharapkan dapat menarik minat pelabur membeli saham kumpulan tenaga 1MDB apabila disenaraikan di bursa kelak.

1MDB memerlukan suntikan kewangan dari penyenaian aset-aset penjana bebasnya untuk mengimbangi hutangnya yang tinggi dan telah mencecah RM42

bilion setakat 2014.

Rafizi juga menyebut bahawa kelewatan pelaksanaan stesen janakuasa Jimah Timur dijangka akan melewatkan proses penyenaian anak syarikat 1MDB di bursa dan melemahkan lagi kedudukan kewangannya.

Kebimbangannya kini adalah kemampuan 1MDB ini terus bertahan tatkala kedudukan kewangannya sangat-sangat dipertikaikan malah tiada khabar positif membabitkan syarikat yang dibina selepas adanya syarikat GLC seperti Khazanah Nasional yang sebenarnya lebih lama menguruskan kontrak-kontrak membabitkan pemerolehan kerajaan.

Ketika rakyat dihimpit dengan kemelut berdepan dengan musibah banjir, beban persekolahan anak, GST yang bakal dilaksana April ini, kenaikan harga tambang bas, kenaikan caj perkhidmatan pelbagai, ketika ini juga rakyat mendengar perkhidmatan bahawa syarikat yang dianggap sebagai anak emas kerajaan kini semakin mencatat hutang yang meningkat.

Harakah - 12/1/2015

EDITOR